

PLO desak PBB adakan sidang khas

BERITA HARIAN Ms. 1 30/7/1993

KUALA LUMPUR, Khamis — Pertuan Pembebasan Rakyat Palestin (PLO) hari ini mendesak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengadakan sidang khas tergepar bagi membincangkan isu kezaliman serta keganasan regim Israel terhadap rakyat Palestin.

Ketika membuat gesaan itu, Presiden PLO, Yasser Arafat, berkata Majlis Keselamatan PBB bertanggungjawab menamatkan keganasan yang dilakukan secara berterusan oleh regim Israel itu.

Menurutnya, langkah mengadakan sidang tergepar itu juga berikutan serangan terbaru Israel melalui udara, darat dan laut sejak lima hari lalu di kawasan Selatan Lebanon.

Menurut laporan agensi berita asing, serangan Israel itu menyebabkan 200,000 rakyat Lebanon terpaksa meninggalkan tanah air.

Arafat berkata, beliau menjangka kira-kira antara 400 dan 500 rakyat negara itu mengalami kecederaan sedangkan kekejaman Israel masih berterusan.

"Kita sudah lama bersabar dan kesabaran ada hadnya. Kita mendesak Majlis Keselamatan PBB mengadakan sidang tergepar bagi menamatkan keganasan regim Israel yang tidak bertanggungjawab itu.

"Kita (Palestin) bukan kuasa besar tetapi kita juga mempunyai cara tersendiri. Kita mahukan keamanan. Jika tidak, kita juga mempunyai perkiraan tersendiri bagi menangani masalah ini," katanya.

Arafat berkata demikian ketika menyampaikan syarahan mengenai perjuangan rakyat Palestin di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara di sini, hari ini.

Syarahan itu adalah di bawah naungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan kerjasama Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, Institut Kebangsaan Pentadbiran Awam serta Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis).

Dr Mahathir turut hadir mendengar syarahan itu bersama kira-kira 2,000 peserta, termasuk diplomat asing serta 20 pegawai Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) di sini.

Sesi syarahan itu dipengerusikan Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Arafat membidas segala kekejaman yang dilakukan oleh Israel itu yang disifatkannya sebagai mempunyai pertalian langsung dengan Amerika Syarikat.

Beliau berkata, dari pengumuman Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin, kelmarin membayangkan tenteranya sedia menggunakan sepenuhnya kekuatan 18,000 bom membabitkan da-

Arafat kecewa sikap PBB

DARI MUKA 1

rat, laut dan udara bagi menghancurkan rakyat Lebanon dan Palestin dari selatan ke utara.

Menurutnya, PLO mengadakan rundingan bagi menyelesaikan konflik yang berlaku tetapi membidas sikap berpura-pura PBB dalam mengatasi masalah itu.

Beliau juga kesal kerana rundingan damai yang berjalan 20 bulan sejak pentadbiran Presiden Bush sehingga kini masih gagal menemui sebarang penyelesaian konkrit bagi menamatkan keganasan Israel terhadap rakyat Palestin.

Beliau mengulangi tiga kali ungkapan "gagal mencapai sebarang penyelesaian itu".

Arafat berkata, Perdana Menteri sebelum Rabin, Yitzhak Shamir, membuat kenyataan serius untuk berunding, tetapi apabila Rabin mengambil alih keadaan bertukar apabila semakin ramai pendatang Yahudi berbangsa Russia ditempatkan di Tebing Barat.

"Kami (rakyat Palestin) masih kekal sebagai pendatang dan penghijrah negara," katanya.

Menurutnya, beliau juga kesal kerana pelan rundingan damai bagi menyelesaikan isu Palestin itu bersifat berat sebelah kerana 65 peratus kandungan cadangan itu datang dari Israel manakala hanya tujuh peratus sahaja dari pihak Palestin.

"Nyatalah mereka mahu menukar 'rules of the game' dengan mengetepikan langsung penyelesaian terhadap isu Baitulmaqdis," katanya.

Arafat juga membangkitkan nasib 28,000 rakyat Palestin di Kuwait yang dinafikan hak mereka tanpa mempunyai kad pengenalan, dan tidak berpeluang ke sekolah.

Menurutnya, beliau juga mahu merundingkan perkara itu dengan PBB bagi mencari penyelesaian sewajarnya.

Arafat turut menyentuh kegagalan Presiden Bush memenuhi janji ketika perwakilan PLO memenuhinya di Rumah Putih selepas Bush kalah.

"Saya minta maaf, saya tidak boleh buat apa-apa. Saya ibarat itik yang tempang (I am a lame duck)," katanya memetik kenyataan Bush dalam rundingan itu.